

23/04/1997

Sikap negatif NGO dibidas

BUTTERWORTH, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau sudah bosan dengan sikap pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan yang diperalatkan oleh orang Barat.

Perdana Menteri menyifatkan ahli NGO ini tidak ada pendirian sendiri dan hanya ikut apa kata orang lain.

"Ini bodoh kerana orang Eropah sudah membina empangan hidroelektrik di semua tempat dan semua pokok mereka sudah habis ditebang, tetapi membantah projek kita.

"NGO kita terikut-ikut dengan orang Eropah ini dan mahu memprotes. Mengapa mereka tak protes bila orang Eropah tebang pokok dan bina empangan," katanya dalam sidang akhbar di sini selepas menamatkan lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang, hari ini.

Beliau ditanya mengenai NGO tempatan yang dilaporkan menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) menghalang Bakun Hydroelectric Corporation daripada disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Ini disifatkan sebagai satu lagi usaha menghalang projek tenaga gergasi itu selepas gagal berbuat demikian melalui mahkamah.

Dr Mahathir berkata, ahli NGO sendiri tidak bersih, malah di depan rumah mereka pun, semua pokok ditebang.

"Mereka sepatutnya jaga tepi kain sendiri. Mereka hanya buat seperti sayang kepada alam sekitar, sebenarnya tidak. Dulu mereka tidak wujud, tiba-tiba mereka ada.

"Mereka ini gila dan sanggup buat apa saja. Mereka boleh tidur atas jalan dan minta kereta menggelek mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia membenarkan protes diadakan, tetapi meminta supaya NGO jangan mengada-ngada.

(END)